

Kanak-kanak makin kerap guna internet

Jumlah mereka 57.4 peratus lebih tinggi berbanding orang dewasa

SEOUL: Satu kajian terbaru menunjukkan kanak-kanak kecil menggunakan komputer dan internet lebih kerap berbanding orang dewasa yang berusia 50 an.

Data yang dikeluarkan Suruhanjaya Komunikasi Korea dan Agensi Keselamatan Internet Korea, menyatakan 66.2 peratus kanak-kanak berusia antara tiga dan lima sudah mula menggunakan internet.

Kadar ini lebih tinggi berbanding 57.4 peratus mereka yang berusia 50 an, lapor akhbar *Korean Times*.

Ibu bapa sering menceritakan bagaimana kagumnya mereka dengan keupayaan kanak-kanak menggunakan telefon pintar dan tablets.

"Seorang kanak-kanak yang saya kenali akan berlari menyambut bapanya yang pulang dari kerja. Beliau memegang iPad dan meminta bapanya memasukkan kata laluan untuk membeli perisian," kata suri

rumah di Bundang, wilayah Gyeonggi, Kim Hyun-ji.

Beliau berkata, kanak-kanak lebih mudah mengendalikan skrin sesentuh kerana jari mereka yang kecil.

Statistik menunjukkan penggunaan peralatan pintar semakin meningkat dan menjadi kebiasaan. Empat daripada 10 isi rumah mempunyai sekurang-kurang satu peralatan pintar, sementara hanya 4.9 peratus mempunyai satu tahun lalu.

Kadar isi rumah yang mempunyai komputer meja atau riba dengan peratusan 81.9 tahun ini. Pemilikan peralatan pintar berubah dengan cara internet dicapai dan berkembangnya perkhidmatan lain.

Separuh pengguna internet memberi maklum balas yang mereka boleh berada dalam talian di mana saja berada menggunakan telefon pintar dan 4.9 peratus pengguna menggunakan ruang bual.



SEORANG lelaki melayari internet di pejabatnya di New York. Satu kajian menyatakan jumlah kanak-kanak yang menggunakan kemudahan internet kini melebihi orang dewasa.

Sebanyak 31.5 peratus pengguna rangkaian sosial berkata mereka menggunakan telefon pintar untuk mendapatkan akses manakala kadar kurang dari dua peratus setiap tahun. Satu daripada empat orang telefon pintar untuk kemudahan perbankan internet.

Jurang teknologi maklumat dalam era pintar turut wujud.

Sementara, dua daripada tiga isi rumah dengan pendapatan purata

bulanan empat juta Won (RM11,130) mempunyai peralatan pintar, kadar itu jatuh 10 peratus untuk isi rumah yang mempunyai kurang daripada satu juta Won (RM2,782) jumlah purata pendapatan sebulan.

Mereka yang mempunyai peralatan pintar berkemungkinan mempunyai peralatan lain seperti komputer meja, kamera digital, sistem pandu arah dalam kenderaan dan televisyen digital. - Agensi.